

18/04/2003

Dua kaki pancing labur RM50,000

Hamzah Osman

YAKIN dengan kemampuan Langkawi menarik lebih banyak acara memancing di pulau peranginan itu, dua kaki pancing sepakat membuka sebuah kedai menjual peralatan memancing di Kuah.

Ahmad Joahari Abu Bakar dan Idris Wan Bain yang mengusahakan kedai Alu-Alu Fishing Shop, berpendapat kegiatan memancing yang semakin menarik minat ramai memberi isyarat permintaan ke atas peralatan memancing juga meningkat.

"Alhamdulillah, atas usaha dan berbekalkan sedikit pengetahuan, akhirnya kami dapat memulakan operasi di sini pada awal Januari lalu. Dengan modal lebih RM50,000, kami menjangkakan perniagaan ini boleh berkembang selepas mendapati permintaan daripada pelancong dan penduduk tempatan sentiasa meningkat," kata Ahmad Joahari.

Mereka adalah antara lima pengusaha kedai pancing di pulau itu yang menunjukkan komitmen tinggi dalam perniagaan berkenaan. Tiga daripadanya adalah milik Bumiputera.

Ahmad Joahari yang turut menguruskan beberapa perniagaan lain di Kuala Lumpur kini menyerahkan tugas menyelia kedai berkenaan kepada Idris bersama pembantunya, Abdullah Hussain.

Beliau berkata, pelbagai peralatan memancing dan aksesori dijual di kedainya seperti joran, jaket keselamatan, baju hujan, lampu, mata kail, batu ladung dan tempat menyimpan ikan.

Sementara itu, Idris mengakui permintaan terhadap peralatan memancing semakin meningkat selepas banyak pihak menganjurkan pertandingan memancing peringkat daerah atau kebangsaan di Langkawi.

"Saya yakin usaha Berita Harian menganjurkan GP Joran boleh menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan domestik, khususnya membabitkan kaki pancing dari seluruh negara," katanya.

Idris berkata, antara jenama joran yang dijual adalah Okuma, Abu Garcia, Mild Seven, Technic, Penn Reels, Bando, Daiwa, Shimano dan Mitchell. Malah, tempahan boleh dibuat jika jenama yang dikehendaki tidak terdapat di kedainya.

Pada Pertandingan Joran Perdana MK Land di benteng pemecah ombak berhampiran Langkawi Lagoon Resort, 1 Mac lalu, Alu-Alu Shopping Shop menyumbang dua joran untuk kegunaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada majlis perasmian.